

08/04/1997

Malaysia, Kuwait kutuk Israel

Haniff Hadi in Bandar Raya Kuwait

BANDAR RAYA KUWAIT, Isnin - Malaysia dan Kuwait hari ini mengutuk tindakan Israel membina penempatan baru Yahudi di Baitulmaqdis serta menyifatkannya sebagai pemusnah usaha damai Timur Tengah.

Pendirian itu dibuat oleh kedua-dua negara dalam perbincangan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan Pemangku Perdana Menteri Kuwait, Sheikh Sabah al-Ahmad al-Jaber al-Sabah, di sini.

Perdana Menteri dalam rangka lawatan tiga hari ke Kuwait untuk meningkatkan hubungan dua hala dalam pelbagai bidang. Beliau berlepas ke Bahrain untuk lawatan dua hari, bermula hari ini.

"Malaysia dan Kuwait menentang keras tindakan Israel membina penempatan baru Yahudi di Baitulmaqdis. Kedua-dua negara juga menyokong dan berdiri teguh di belakang usaha damai yang dijalankan," katanya dalam sidang akhbar di akhir lawatannya ke sini.

Mengenai blok negara-negara Islam, Dr Mahathir menegaskan, Malaysia menyokong semua negara Islam dan kerana itu tidak ada sebab mengapa negara Islam lain tidak boleh menyertai mana-mana pertubuhan.

Ditanya mengenai kemungkinan Malaysia mengenakan tekanan terhadap Iraq agar negara itu membebaskan tawanan perang Kuwait, beliau berkata Malaysia menyokong usaha Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk mendesak Iraq membebaskan mereka.

"Tetapi kita harus faham bahawa sokongan kemanusiaan Malaysia terhadap rakyat Iraq tidak bermakna kita menyokong kerajaan Saddam Hussein," katanya.

Perdana Menteri juga menyentuh soal perbankan Islam, yang menurutnya perlu ada kata sepakat terutama dalam aspek pembiayaan projek.

"Kewujudan sistem perbankan Islam sepenuhnya akan memberikan dimensi tambahan kepada pasaran. Walaupun Malaysia dikatakan mempelopori pelaksanaan perbankan Islam, sukar untuk mewujudkan pelaburan Islam dan pasaran modal di peringkat antarabangsa.

"Ini kerana belum ada kata sepakat di kalangan cendekiawan Islam mengenai perkara ini," katanya sambil menambah, banyak bank Islam berhasrat menyertai pembiayaan projek, khususnya di negara Asia Timur di mana projek besar sedang dijalankan.

(END)